

Semua orang Melayu wajar sertai UMNO

UMNO satu-satunya parti yang mana orang Melayu bergantung dan bernaung kepadanya, oleh itu kita harap semua orang Melayu akan menjadi ahli parti

ALI RUSTAM
Naib Presiden
UMNO

KUALA LUMPUR 14 Nov. - Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Ali Rustam berkata, semua orang Melayu sepatutnya mendaftar sebagai ahli UMNO kerana terbukti parti itu mampu membela serta menaungi orang Melayu.

Menurutnya, adalah suatu yang merugikan apabila masih ramai di kalangan orang Melayu yang bersikap selesa dengan mengambil ringan soal penyertaan mereka sebagai ahli parti.

Beliau yang juga Pengerusi Biro Latihan dan Keahlian UMNO berkata, meskipun jumlah 3.2 juta ahli UMNO pada masa ini cukup membanggakan, namun sewajarnya semua orang Melayu memberi sokongan padu kepada parti yang merupakan tunjang kepada kerajaan hari ini.

"UMNO satu-satunya parti yang mana orang Melayu bergantung dan bernaung kepadanya, oleh itu kita harap semua orang Melayu akan menjadi ahli parti.

"Mungkin ada yang berpendapat telah ramai menyertai UMNO dan biarlah mereka ini membela orang Melayu yang tidak menjadi ahli," katanya kepada *Utusan Ma-*

laysia ketika ditemui selepas melawat gerai pameran Biro Latihan UMNO sempena persidangan UMNO di PWTC, hari ini.

Beliau berkata, pertambahan keahlian UMNO baru cukup memberangsangkan apabila mencatat 128,319 orang dalam tempoh 10 bulan pertama tahun ini:

Ali berkata, jumlah 3.2 juta ahli UMNO daripada enam juta pengundi Melayu di negara ini turut membuktikan bahawa parti itu semakin diterima baik di kalangan bangsa Melayu.

Katanya, mereka ini turut diharapkan akan menyertai kursus-kursus latihan yang dilaksanakan oleh biro berkenaan bagi memantapkan pengetahuan dan jati diri dengan perjuangan UMNO.

"UMNO bahagian diharap dapat menghantar ahli baru ini menyertai kursus untuk menghayati asas perjuangan UMNO dahulu, sekarang dan masa depan.

"Fungsi biro ini adalah untuk melahirkan ahli yang komited kepada parti supaya mereka dapat menghayati asas perjuangan, sentiasa bersedia hadapi cabaran dan melahirkan ahli berkualiti serta ti-

dak lari daripada perjuangan asal," katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa pada masa ini Biro Latihan UMNO masih be-

lum bercadang untuk mewajibkan semua ahli baru menyertai kursus yang dianjurkan oleh biro itu kerana kekurangan kakitangan.